

Jabatan Penjara perkuukuh pengurusan banduan rentan

Kuala Lumpur: Jabatan Penjara akan mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Banduan Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai dokumen rasmi dan seragam di semua institusi jabatan itu pada tahun ini.

Komisioner Jeneral Penjara, Datuk Abdul Aziz Abdul Razak, berkata komitmen itu dibuat susulan peningkatan banduan daripada golongan rentan, khususnya warga emas dan OKU.

“Golongan ini memerlukan perhatian khusus serta pendekatan sistematik berlandaskan prinsip *duty of care*.”

“Garis panduan ini akan dibangunkan menerusi kerjasama strategik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan (KKM), selain mengambil inspirasi daripa-

da amalan terbaik pengurusan institusi warga emas dan OKU di luar penjara,” katanya berucap pada Majlis Perutusan Tahun Baharu 2026, di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, Jabatan Penjara menyasarkan penyediaan 10,000 peluang pekerjaan pada tahun ini sebagai usaha memperkasa ekosistem integrasi komuniti membabitkan golongan berkenaan.

Katanya, sasaran itu dibuat susulan pencapaian cemerlang jabatan pada tahun lalu apabila kadar kelulusan Pelepasan Banduan Secara Lesen mencapai 91.19 peratus, dengan penyediaan lebih 9,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, peluang pekerjaan itu disediakan menerusi kolaborasi dengan 738 syarikat di bawah inisiatif Corporate Social


Involvement (CSI), selain pelaksanaan inisiatif inovatif seperti Program Agropreneur Harapan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Memasuki 2026, kita menetapkan sasaran penambahan 20 pejabat parol daerah serta pelaksanaan Akta Tahanan Rumah dan Akta Kehadiran Wajib (Pindaan 2025).

“Fokus utama akan tertumpu kepada penstrukturan semula ekosistem pemulihan komuniti dan pemeraksanaan Program Reintegrasi Penghuni berasaskan kajian impak.

“Ini memastikan agenda kebolehkerjaan dan integrasi sosial prospek dilaksanakan secara mampan, berkesan dan memberi impak positif kepada masyarakat,” katanya. BERNAMA

“Garis panduan ini akan dibangunkan menerusi kerjasama strategik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan, selain mengambil inspirasi daripada amalan terbaik pengurusan institusi warga emas dan OKU di luar penjara”



Abdul Aziz Abdul Razak,
Komisioner
Jeneral Penjara